# DOKUMEN

# MANUAL PENGGUNA SISTEM

# SISTEM PMC-19

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG - UNDANG (BHEUU),**
**JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)**

pusat mediasi
COVID-19

# 1 ARAHAN PENGGUNAAN SISTEM

Bahagian ini menyediakan arahan terperinci langkah demi langkah bagi Pemohon mengguna sistem PMC-10.

Sistem PMC-19 boleh diakses melalui url http://apps.pmc19.gov.my

## 1.1 Pengurusan Pengguna

### 1.1.1 Pendaftaran Pengguna

Pemohon perlu mendaftar terlebih dahulu di bahagian ini sebelum dibenarkan log masuk ke sistem PMC-19.




*Rajah 1 Daftar Baru*

1. Klik butang **Daftar Akaun Baru** di halaman portal**.**




*Rajah 2  Daftar Baru - Isi Maklumat Diri*

2. Isi maklumat Pemohon di bahagian Maklumat Diri
3. Klik butang **Daftar Akaun**.




*Rajah 3  Daftar Baru - Selepas Klik Daftar Akaun.*

4. Mesej makluman akaun telah berjaya didaftarkan dipapar jika Pemohon berjaya mendaftar akaun.




*Rajah 4 : Contoh emel pengesahan yang dihantar kepada Pemohon*




*Rajah 5 Daftar Baru – Contoh emel pengesahan*

5. Emel pengesahan dihantar ke emel pemohon yang berdaftar.

6. Klik pada pautan di dalam emel yang dihantar untuk tujuan pengesahan email.




*Rajah 6 Daftar Baru - Emel telah Disahkan*

7. Klik pada pautan Ke Login page selepas pengesahan dibuat untuk log masuk ke sistem PMC-19.

### 1.1.2 Log Masuk Sistem Pertama Kali

Pemohon perlu mengemaskini maklumat pemohon selepas pertama kali log masuk ke sistem PMC-19.




*Rajah 7 Log Masuk*

1. Masukkan maklumat berikut :
    a. Nombor MyKad yang telah didaftar.
    b. Kata Laluan yang telah didaftar.

2. Klik butang **Login**

### 1.1.3 Kemaskini Profil

Profil Pengguna dipapar secara lalai selepas pertama kali Pemohon log masuk. Pemohon perlu mengemaskini maklumat yang berkaitan di bahagian ini.




*Rajah 8 Kemaskini Profil Pengguna*

1. Isi maklumat Pemohon di Profil Pengguna.
2. Klik butang **Kemaskini** untuk mengemaskini maklumat Pemohon.
3. Pemohon juga boleh mengemaskini maklumat bila-bila masa dengan mengikuti langkah-langkah 4 sehingga 5 :
4. Selepas log masuk, pergi ke bahagian Profil Pengguna di atas kanan *home page.*




*Rajah 9 Profil Pengguna*

5. Profil Pengguna dipapar, ikut langkah 1 sehingga 2 untuk kemaskini maklumat Pemohon.

### 1.1.4 Lupa Kata Laluan

Bahagian ini menerangkan bagaimana Pemohon boleh memohon kata laluan jika terlupa kata laluan tersebut.




*Rajah 10 Lupa Kata Laluan*

1. Klik pada pautan Lupa kata laluan ?




*Rajah 11 Lupa Kata Laluan - Masukkan Emel*

2. Masukkan email yang diisi oleh Pemohon semasa pendaftaran.
3. Klik butang **Hantar.**




Rajah 12 Lupa Kata Lalulan - Notifikasi Kata Laluan telah Dihantar ke Emel

4. Notifikasi kata laluan telah dihantar ke email Pemohon yang berdaftar dipapar.




*Rajah 13 Contoh emel Lupa Kata Laluan yang dihantar kepada Pemohon*




*Rajah 14 : Kata Laluan baru yang dihantar*

5. Periksa kata laluan baru yang telah dihantar ke emel.

6. Log masuk ke sistem PMC-19 menggunakan Kata Laluan baru yang telah diemel. *Nota : Sebagai langkah keselamatan, sila tukar kata laluan yang baru selepas berjaya log masuk ke sistem.*

### 1.1.5 Tukar Kata Laluan

Pemohon boleh menukar kata laluan sediaada jika ada keperluan untuk menukarnya. Bahagian ini menerangkan langkah – langkah untuk menukar kata laluan.




*Rajah 15 Keluar Sistem*

1. Selepas log masuk, pergi ke bahagian Profil Pengguna di atas kanan *home page*.

2. Klik **Tukar Kata Laluan**.




*Rajah 16 Kemaskini Kata Laluan*

3. Profil Pengguna akan dipapar.Masukkan kata laluan yang baru dan sahkan kata laluan tersebut.

4. Klik butang **Hantar** untuk menyimpan kata laluan yang baru ditukar.

5. Log masuk semula ke sistem PMC-19 dengan menggunakan kata laluan yang baru tersebut.

### 1.1.6 Log Keluar dari Sistem

Pemohon perlu log keluar dari sistem setiap kali selesai melakukan aktiviti di dalam sistem.Bahagian ini menerangkan bagaimana Pemohon log keluar dari sistem PMC-19.




*Rajah 17 Kemaskini Kata Laluan*

1. Selepas log masuk, pergi ke bahagian Profil Pengguna di atas kanan *home page*.
2. Klik **Logout.**
3. Pemohon akan di bawa keluar dari sistem PMC-19 ke halaman log masuk.

## 1.2 Permohonan Khidmat Mediasi

### 1.2.1 Permohonan Mediasi Baru

Bahagian ini menerangkan bagaimana Permohonan Mediasi Baru dibuat.




*Rajah 18 Permohonan Mediasi Baru*

1. Klik pada pautan Permohonan Meditasi Baru di menu sebelah kiri.
2. **Permohonan Mediasi Baru** dipaparkan.Pilih 'Individu' atau 'Syarikat' semasa memohon.
3. Di bahagian **Pihak Pertama**, maklumat pemohon di papar berdasarkan maklumat yang diisi semasa pendaftaran.
4. Di bahagian **Pihak Kedua**, Pemohon perlu masukkan maklumat Pihak Bertikai.
5. Klik butang **Seterusnya** untuk ke Penilaian Kriteria Covid-19.

### 1.2.2 Penilaian Kriteria Covid-19

Pemohon perlu menjawab soalan Penilaian Kriteria Covid-19 bagi menentukan pertikaian kontrak adalah berpunca dari pelaksanaan PKP kesan dari Covid-19.




*Rajah 19 Penilaian Kriteria Covid-19*

6. Penilaian Kriteria Covid-19 dipapar. Jawab soalan Penilaian Kriteria Covid-19.

7. Klik butang **Seterusnya**.

8. Jawab soalan seterusnya sehingga tamat Penilaian Kriteria Covid-19.

### 1.2.3 Semakan Kelayakan

Bahagian ini memaparkan **Maklumat Pemohon** dan **Maklumat Pihak Bertikai** selepas Pemohon selesai menjawab **Penilaian Kriteria Covic-19**. Maklumat ini hanya boleh dilihat dan tidak boleh dikemaskini.




*Rajah 20 Semakan Kelayakan*

9. Klik butang **Semak Kelayakan** untuk mengetahui keputusan semakan kelayakan.




*Rajah 21 Keputusan Semakan Kelayakan dipapar*

10. Notifikasi keputusan semakan kelayakan dipapar. Keputusan yang dipapar adalah berdasarkan Penilaian Kriteria Covid-19 dan kelayakan subsidi bagi kedua-dua pihak yang bertelingkah.

### 1.2.4 Isi Borang Permohonan Sesi Mediasi

11. Klik pada pautan **Senarai Permohonan** di menu sebelah kiri.

    Bahagian ini menyenaraikan Permohonan Khidmat Mediasi yang telah dipohon oleh Pemohon.




*Rajah 22 Senarai Permohonan Khidmat Mediasi*

12. Periksa permohonan yang telah dipohon di Senarai Permohonan Khidmat Mediasi.

13. Klik pada pautan Hantar untuk melihat perincian permohonan.

14. **Borang Permohonan Sesi Pengantaraan** dipapar yang mempunyai tiga tab dan setiap tab mempunyai maklumat berikut :
    a. Pemohon
    b. Pihak Bertikai
    c. Maklumat Pertikaian




*Rajah 23 Borang Permohonan - Pemohon*

15. **Pemohon**: Maklumat berkaitan Pemohon dipapar dan tidak boleh dikemaskini.




*Rajah 24 Borang Permohonan - Pihak Bertikai*

16. **Pihak Bertikai** : Maklumat berkaitan Pihak bertikai seperti Nama Pihak Bertikai dan Nombor MyKad dipapar dan tidak boleh dikemaskini. Pemohon perlu mengisi maklumat lain berkaitan Pihak Bertikai.




*Rajah 25 Borang Permohonan - Maklumat Pertikaian*

17. **Maklumat Pertikaian** : Hanya Kategori Kontrak Covid-19 dipapar dan tidak boleh dikemaskini. Pemohon perlu mengisi maklumat lain berkaitan pertikaian.

18. Klik butang **Simpan** untuk menyimpan dahulu Permohonan Sesi Mediasi sebelum dihantar kepada PMC untuk pengesahan. Status akan bertukar menjadi ‘Draft’.

19. Klik butang **Hantar** untuk menghantar Permohonan Sesi Mediasi kepada PMC untuk pengesahan. Status akan bertukar menjadi ‘Baru / Hantar’.

20. Klik **Batal Permohonan** untuk membatal Permohonan Sesi Mediasi yang sedang dipohon. Status akan bertukar menjadi ‘Batal Permohonan’.